

Kandungan

Basirah 2

Palung Cinta..... 3

Bukat 4

Cahaya..... 5

Lorong Kecelakaan 6

Banjaran Impian 7

Senggama 8

Neraca..... 10

Basirah

Tutup minda

 buat seketika

 biar qalbu merasa

 wujud Cinta

 dalam diri.

Basirah itu matahati

 semakin karat

tersaput debu

 di jalanan sepi.

Mandulkan minda

 butakan mata

 pekakkan telinga

 kelukan lidah.

Senyap! Dalam zikir

dan selawat.

Buka ruang.

Biar basirah itu merasa

 Mahabbah.

 Cinta.

Palung Cinta

Jika engkau masih menyimpan bilur-bilur benci
 kerana durjananya segerombolan haiwan melata
 merembat memukul mengalir duka
 bercengkerama dengan kisah dusta
 denting embun pagi menjadi saksi
 fitnah-fitnah yang memenuhi
 corong-corong sejarah insani.

Bercumbulah dengan kebenaran
 yang melingkari di sini
 setiap anggota menjadi bukti
 lindaplah segala benci
 supaya engkau tidak
 menggerayang
 mengucup
 dengan
 debu.

Supaya dapat dilihat
 palung-palung cinta
 antara manusia
 tanpa perang
 tanpa dusta.

Bukat

Dalam bukat kegelapan
 bulatnya sandiwara dunia
 manusia itu
 menoleh kiri kanan
 mencari-cari
 cuba menyaring
 setitis kebenaran
 yang sekecil zarah
 di tengah-tengah
 sedulang kepalsuan
 tapi masih entah
 seperti lintah
 yang menghisap darah
 atau anak yang tak sekolah
 masih tidak tahu
 kiri atau kanan
 lurus atau senget
 atas atau bawah
 hanya mengikut arus
 sehingga terus
 menuju jalan henti
 di mana api
 menemani mimpi
 mahu ke syurgawi
 menghirup kasih
 seorang bidadari.

Cahaya

Terang dan nyata

tapi masih ditepis

menjadi untaian kata

yang ditinggalkan sejarah

tidur bersama matahari

dengan berlabuhnya senja.

Yang gelap bukat

samar-samar

ditiupkan roh

menemani pelayaran

menjadikan ia tanpa cahaya

teraba-raba

kerana pelayaran ini

bukanlah permainan

menang atau kalah

tapi ia ialah perjalanan roh

dalam dakapan keimanan.

Lorong Kecelakaan

Biar kau tendang dengan sihir fitnahmu

 biar kau terjang dengan kepalsuanmu

 biar kau malang dengan kesialanmu

 biar kau radang dengan tembok egomu

 biar kau hilang dengan berbumbung tanah

 biar kau kecundang dengan kebodohanmu.

Terjerumus

 dalam satu lubang dosa

 di mana api neraka

 belum lagi terpadam

 dengan kekeh tawa kalian

 seperti pelacur miang.

Tak dapat ditarik

daripada lorong kecelakaan.

 Andai kewujudanku timbulkan iri

 ambillah keris sakti

 yang tidak jaya lawan Feringgi

 atau ambillah senapang buatan Yahudi

 dan isikan peluru-peluru berduri

lalu mencaci maki menembak nubari

 kerana aku sudah tidak peduli

 kerana lorong-lorong kecelakaan

 tempat-tempat jiwa mati.

Banjaran Impian

Banjaran impian mula retak
 redam dalamgelegak
 berkocak sarira
 malap api keyakinan
 bayu menyusup merusuh
 ketika menunggu.

Aku cuba bertanya
 kepada mentari
 tapi ia hanya
 menyinarkan cahaya
 kemudian aku bertanya
 kepada bulan
 tapi ia hanya dapat
 menemani senja
 aku bertanya pula
 kepada bayu
 tapi ia hanya dapat
 berhembus sayu.

Aku mula bertanya
 kepada qalbu
 tapi ia masih beri
 jawapan yang sama.

Keamanan tiada
 peperangan sini sana.

Senggama

Hilangnya senja merah
bersama legar syaitan
di atas perahu yang masih berduka
kerana kejahilan manusia
cahaya bintang tidak lagi ada
kerana ia sudah menjadi kusam dengan nista
dengan iri manusia berdusta
perahu jiwa menjadi merana
tenggelam di tengah sungai fana
hilang suara tiada mesra.

Aku adalah aku
tidak menyembah kilang susu isteri
perempuan mengakang di malam sepi
mulut ternganga sampai awal pagi
berbual politik di kedai kopi
kononnya Melayu itu dan ini
tapi anak sendiri sudah membuat bayi
keluar ke sentosa peragakan coli.

Dan derita yang melanda ini
angkara tegarnya mereka
mash mahu bersenggama dengan syaitan
memurahkan lagi keperempuanan itu
yang berselendang berseluar ketat
yang tak berselendang tak berbaju.

Entah bila
engkau mahu berhenti
bersenggama.

Neraca

Pandangan yang bengkok
 tak bisa diluruskan
 dan menembus
 ruang nubari.

Seperti tulang belakang
 yang bengkok
 andai diluruskan
 nescaya patah.

Tak bisa menimbang
 dosa
 pahala
 taqwa
 cinta.

Neraca itu
 bukan milik kita.

Hanya Tuhan
 bisa menimbang
 dengan Al-Mizan.